



USA MISSION FOR INVESTMENT AND R&D PARTNERSHIP IN BIOTECHNOLOGY

The Biotechnology Industry Organisation 2004 Convention is the biggest annual gathering of global biotechnology players with close to 17,000 participants. 61 countries were represented with participation from companies, research institutes, universities, investment agencies, venture capital filling 1,469 booths in the 400,000 square foot Moscone Centre in San Francisco.

A 40 member delegation led by YB Dato' Dr Jamaluddin Jarjis attended the Biotechnology Industry Organization BIO2004 Convention in San Francisco between 6 till 9 June 2004. The delegation to Seattle was led by the Science Advisor to the Prime Minister, Tan Sri Dr. Ahmad Zaharudin Idrus between 9 till 11 June 2004.

The Malaysian Pavillion was 600 square feet comprising of participations from MOSTI, MIDA, PDC, Springhill Bioventures Sdn. Bhd., TH Group, Melaka Biotech Centre, MTDC investee company, IMR, Innobiologics and TPM.



MOSTI's objectives in attending BIO2004 include :

- Smart partnerships with international Biotechnology players.
- Research collaboration opportunities with leading research centre.
- A clear understanding of international trends in Biotechnology.

- Increase exposure of Malaysian participants to international marketplace.
- Malaysian Overseas talent in this sector for the Brain Gain Programme.

The mission which included several high-level meetings, 8 site visits and participation at plenary sessions and country presentations among others culminated in the following outcome :

Business Opportunities

- **Amgen** - world class bio-pharma firm with potential to locate offshore plant in Malaysia.
- **MDS Pharma Services** - Contact Research Organisation with presence in Taiwan, potential for Malaysian site.
- **Sun Microsystems and Hewlett Packard** - outsourcing opportunities
- **IBM Life Sciences** - Opportunities to attract CRO into Malaysia, Grid Computing, BioBank and Innovation Exchange initiatives.

Scientific collaborations

- **Berkeley and Stanford** - training of post doctorate and masters
- **UW School of Medicine** - specific research projects
- **Institute of Systems Biology** - collaborative research programmes
- **Fred Hutchinson Cancer Research Centre** - post doctorate training
- **Hewlett Packard** - Bioinformatics





Assalamualaikum WBT,

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya, kita dapat bersua bicara menerusi buletin ini sekali lagi.

Sains, teknologi dan inovasi adalah satu kemestian di dalam kehidupan masa kini. Ia membantu kita dalam

memudahkan dan meringkaskan proses dalam melaksanakan pekerjaan. Namun masyarakat kita masih belum mencapai satu tahap sebagai masyarakat yang boleh menerima S&T dengan terbuka. Masyarakat kita masih menganggap S&T terlalu susah untuk diikuti dan kadang kala dianggap terlampau kompleks di fikiran rakyat kita.

Atas kesedaran ini saya amat mengharap ahli sains terutamanya boleh mendekati diri dengan masyarakat umum melalui penerangan mengenai sains yang lebih mudah difahami dengan tidak perlu menggunakan istilah-istilah besar, cukup sekadar menggunakan contoh-contoh mudah. Proses *Demystify Science* perlu dimulakan dan usaha harus bermula daripada ahli sains sendiri dan MOSTI akan menyokong usaha-usaha ini melalui program-program yang akan dikenal pasti. Sains perlu dipermudahkan kepada masyarakat supaya mereka boleh menerima sains dengan baik. Sebagai pengamal sains kita perlu meletakkan diri kita sebagai masyarakat umum. Penggunaan terma-terma teknikal yang tentunya akan menjauhkan minat masyarakat dan menyusahkan mereka memahami peranan kita.

Perdana Menteri YAB Dato' Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi amat menekankan kepentingan ICT dan bioteknologi dalam memangkinkan pembangunan negara. Dua bidang ini telah dikenal pasti sebagai penggerak utama pembangunan negara dan boleh membangunkan bidang baru dalam sektor ekonomi negara. Kedua-dua bidang ini akan membantu pembangunan negara terutama dari segi penyaluran maklumat, pembangunan infrastruktur dan meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat Malaysia. Bioteknologi umpamanya mempunyai masa depan yang cerah di Malaysia kerana kita mempunyai pelbagai sumber yang boleh dieksploitasi terutama di dalam bidang-bidang pertanian, industri herba dan perubatan.

Sebagai sebuah kementerian yang diamanahkan dengan portfolio baru iaitu inovasi saya amat berharap akan dapat membantu ke arah mencapai aspirasi YAB Perdana Menteri tersebut. Tumpuan kita bukan sahaja dalam menghasilkan masyarakat yang begitu terlibat di dalam S&T tetapi berinovatif dalam menghasilkan penemuan-penemuan baru yang boleh dikomersialkan sehingga ke peringkat antarabangsa. Saya sedar bukan satu tugas yang mudah menanti di hadapan tetapi saya yakin dengan kerjasama erat dan sokongan padu warga kerja MOSTI akan memastikan harapan dan impian yang diberikan kepada MOSTI dapat dilaksanakan.

Selamat menyambut Ramadhan Al-Mubarak

Dato' Dr Jamaludin Mohd Jarjis

Pertanian Persis Menggunakan Teknologi Remote Sensing



Konferens Pertama Pertanian Persis Asia (ACPA) telah diadakan di Kuala Lumpur pada 11 – 13 Mei 2004. Bertemakan "Teknologi Remote Sensing dan Teknologi-Teknologi Perladangan SMART untuk Pertanian Persis di Asia" telah diadakan pada 11-13 Mei 2004 di Kuala Lumpur. Konferens ini telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri, Dato' Kong Cho Ha yang mewakili YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

ACPA Kuala Lumpur adalah persidangan pertama dari siri persidangan yang akan diadakan dua tahun sekali secara bergilir di antara negara-negara ahli (Malaysia, Jepun, Korea, China dan Filipina). Penggiliran ini telah dipersetujui semasa mesyuarat ACPA yang diadakan di Korea pada 15 Februari 2003.

ACPA dianjurkan oleh Pusat Remote Sensing Negara (MACRES) dengan kerjasama lima agensi kerajaan dan dua universiti tempatan yang terlibat secara langsung dalam Program Pertanian Persis Nasional. Agensi-agensi tersebut ialah; Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI); Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Barat Laut Selangor (IADP-NWS); Malaysian Palm Oil Board (MPOB); Universiti Putra Malaysia (UPM), dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Tujuan utama konferens ini diadakan adalah untuk;

- i) Meningkatkan kesedaran dalam potensi penggunaan teknologi remote sensing, sistem maklumat geografi (GIS) dan sistem penentuan kedudukan (GPS) dengan menggunakan sensor yang dipasang pada jentera sistem pertanian sebagai alat yang berkesan untuk pertanian persis di Asia;
- ii) Menyediakan forum bagi pertukaran maklumat dan idea ke arah pembangunan usaha kerjasama teknologi yang sesuai untuk pertanian persis di Asia;
- iii) Mewujudkan rangkaian maklumat di kalangan pengamal dan penyelidik bagi pembangunan pertanian persis di Asia.

Konferens ini dihadiri oleh 328 profesional, pengurus-pengurus kakan dan penyelidik daripada pelbagai agensi kerajaan, universiti dan industri swasta yang terlibat secara langsung dalam perladangan persis. Penganjuran seminar ini adalah sejajar dengan matlamat negara untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian melalui penggunaan teknologi moden bagi tujuan meningkatkan taraf sosio-ekonomi petani, dan menjimatkan aliran keluar matawang negara melalui pengurangan import bahan makanan negara.

Sumber: MACRES



Selamat Datang dan Selamat Bertugas



- YBhg Dato' Suriah Abd. Rahman -

Warga MOSTI mengucapkan tahniah dan selamat bertugas kepada YBhg Dato' Suriah Abd. Rahman sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mulai 1 Jun 2004. YBhg Dato' Suriah merupakan wanita pertama sebagai Ketua Setiausaha di MOSTI. Sebelum menjawat jawatan ini, beliau adalah Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Tenaga dan Komunikasi dan Multimedia.



www.delmys.cec.eu.int

Collaboration Opportunities between the EU and Malaysia in the Field of Research and Innovation

Taklimat *European Union Research 6th Framework (FP6) and Collaboration/Lateral Opportunities between the EU and Malaysia in the Field of Research and Innovation* telah diadakan di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia pada 3 Jun 2004. Dirasmikan oleh Y. Bhg Dr. Zulkifli Idris, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), taklimat adalah anjuran bersama MOSTI dan Suruhanjaya Kesatuan Eropah. Turut hadir Ambassador EU ke Malaysia.

Tujuan utama taklimat adalah untuk memperkenalkan kepada ahli-ahli akademik serta penyelidik-penyelidik dari Universiti dan Pusat Penyelidik Malaysia akan dana pembiayaan penyelidikan EU iaitu Kerangka

Kerja Program Penyelidikan EU atau *European Union Research Framework Programme* yang telah dilaksanakan semenjak tahun 1984. Kerangka kerja ke-6 program penyelidikan atau FP6 adalah bertujuan untuk menggalakkan pelaksanaan *European Research Area (ERA)*. Oleh kerana ia juga mempunyai dimensi antarabangsa, maka FP6 mempelawa para penyelidik daripada Negara-negara Ketiga seperti Malaysia untuk

S & T

menyertai rangkaian penyelidik Eropah. Ia memberi peluang kepada Universiti, makmal, organisasi, institusi dan agensi penyelidikan awam untuk bekerja sama dalam aspek *intellectual capital*, latihan dan komponen, kolaborasi untuk membangunkan aktiviti-aktiviti maju berteknologi atau *technologically advanced activities*.

Peluang kerjasama di antara komuniti penyelidik Malaysia adalah dalam 7 *core thematic priorities* termasuk:

- Life Science, genomik and biotechnology for health*
- Nanotechnologies, multifunctional materials and new production process*
- Aeronautics and space*
- Information Sciences and Technologies*
- Food quality and safety*
- Sustainable development, global change and ecosystem*
- Citizens and governance in a knowledge-based society.*

Bagi *Specific International Cooperation Activities (INCO)* pula, penetapan Khusus bagi komponen ini pada tahun 2004 termasuk:

- Health and public health*
- Food security*
- Rational use of natural resources*

Namun bagi penyelidik di rantau ini bidang keutamaan telah ditetapkan.

Menurut Mr. Enrique Playan, Pegawai Saintifik Suruhanjaya Eropah yang telah menyampaikan taklimat, FP6 menyediakan sebanyak 285 juta Euro untuk kerja-kerja penyelidikan. Hanya 10% daripadanya telah digunakan setakat ini. Beliau juga berkata proses permohonan telah diperbaiki dan kini lebih mudah. Semoga penyelidikan Malaysia mengambil peluang pembiayaan penyelidikan EU yang ditawarkan

Oleh: Amirthavalli A.V. Muthiah, Bahagian S&T

eIRPA REDUCES RED TAPE IN GRANT APPLICA-



The Electronic Intensification of Research in Priority Areas or eIRPA is a web-based system that supports online application for research grants under the Intensification of Research in Priority Areas (IRPA) programme, which is managed by the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI).

Since its inception in 1988, the IRPA Programme has remained the main source of government research grants to more than 6000 researchers from 53 institutes of higher learning and research institutions in Malaysia. The processing, evaluation and approval processes involved in the administration of the IRPA Programme are time consuming and tedious when these are done manually. Due to the large number of applications for research grant annually and the emphasis on electronic governance, MOSTI initiated the development of an on-line electronic system in the management of IRPA grant.

With the launching of the eIRPA system, researchers can now submit research proposal anywhere and anytime. The system has helped reduce considerably the processing time of

The scientific community can be assured of a much speedier processing of their research proposals using the eIRPA. They will be able to track the status of their applications, receive personalized announcements and have instant access to R&D information.

applications and the use of paper. This is possible because application for research grant can be done on-line. Grant administrators can immediately address quickly problems related to application requirements, such as insufficient information etc.

Apart from being a tool to ease the application process of the IRPA grants, eIRPA allows researchers and coordinators to get instant updates on their application status; receive important announcements through its home page and alerts via their e-mails.

eIRPA also provides a database of R&D information to scientists. This value-add facility provides easy and free access to different fields of research done in their own research institutions as well as other research institutions. Duplication of scientific research could be avoided and the reform minimize waste of resources and funding.

Finally, the eIRPA system provides an efficient and effective platform in the monitoring of progress of research projects. This allows immediate identification of deviation of research from its original research objectives and corrective actions.

By : Lee Keng You, Bahagian S&T

At A Glance - Transit Zuhrah



Selepas tahun 1881, Transit Zuhrah muncul kembali!

Satu fenomena samawi di mana planet Zuhrah melintasi di hadapan Matahari pada 8 Jun 2004 yang lalu. Rakyat Malaysia bertuah kerana antara negara di dunia yang dapat melihat dengan jelas fenomena ini bermula dari jam 01:13:29 petang dan berakhir pada jam 07:25:29 malam.

Sumber: ANGKASA

Pelancaran Portal Agribazaar, www.agribazaar.com.my 25 Jun 2004



YB Dato' Dr Jamaludin b. Dato' Mohd Jarjis, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ketika menyampaikan ucapan ringkas beliau di Majlis Pelancaran Portal Agribazaar.



YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi diiringi oleh YB Dato' Dr Jamaludin b. Dato' Mohd Jarjis dan Tan Sri Muhyiddin melawat ruang pameran sempena Pelancaran Portal Agribazaar.



YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama YB Dato' Dr Jamaludin b. Dato' Mohd Jarjis dan Tan Sri Muhyiddin Yassin menyaksikan demonstrasi portal Agribazaar oleh salah seorang ahli berdaftar portal tersebut.



YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika melancarkan Portal Agribazaar dengan dibantu oleh pelakon sketsa, En Hamdan Jasin, pereka grafik dari MIMOS Berhad.

Lawatan Kerja Ke MDC, 13 April 2004 www.mdc.com.my



YB Menteri diberi penerangan ringkas mengenai peralatan yang dipamerkan.



YB Menteri diberi penerangan mengenai cip yang dihasilkan oleh syarikat di bawah naungan MDC.



YB Menteri bersama pegawai pengurusan atasan agensi-agensi di bawah MOSTI dan MDC.



Perhimpunan

Bulanan MOSTI

www.sirim.com.my di SIRIM Berhad, 22 Jun 2004



Pagi Yang Ceria dan Penuh Bersemangat!.. Ucapan dari YB Dato' Dr. Jamaludin b. Dato' Mohd Jarjis, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.



Penuh bertenaga!.. Persembahan koir SIRIM mengiringi nyanyian Negaraku yang dinyanyikan secara beramai-ramai.



Semua anggota MOSTI melakukan bacaan Ikrar Perkhidmatan Awam



YB Menteri turut bersalaman dengan anggota kerja SIRIM Berhad.



Jamuan Raja Buah-Durian turut menjadikan hidangan dalam jamuan pada pagi tersebut.

PELAJAR SAINS SEMAKIN

BERMINAT DALAM BIDANG AERO

30 pelajar aliran sains yang terpilih mewakili negeri Pahang, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan telah mengikuti Program *Future Aviators* di Kompleks Composites *Technology Research Malaysia*, Batu Berendam, Melaka.

Dalam ucapan Majlis Penutupan dan Penyampaian Sijil pada 11hb Jun 2004, YBhg Dato' Suriah Abd. Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah menasihatkan para pelajar agar sentiasa berfikir positif, inovatif dan melaksanakan aktiviti yang berfaedah yang dapat menjurus kepada kerjaya mereka di masa hadapan.

Beliau menyifatkan mereka yang berjaya terpilih mengikuti program ini adalah bertuah kerana bukan sahaja didedahkan dengan aplikasi sebenar sains terutamanya mengenai prinsip-prinsip penerbangan, bahan-bahan komposit dalam pembuatan kapal terbang *Boeing* dan sebagainya, malah berpeluang dibawa terbang dengan pesawat ringan Eagle 150B buatan anak tempatan.

Beliau berharap program ini akan menarik minat lebih ramai remaja dalam bidang aero angkasa yang suatu ketika dulu dianggap sukar oleh kebanyakan pihak.

Program yang telah dianjurkan oleh Bahagian S&T, turut disertai oleh pegawai-pegawai kanan syarikat, pensyarah dan juruterbang daripada CTRM untuk memberi sokongan kepada anak-anak muda kita.



Oleh : Haji Mohd Shahrudin Hj. Abdul Aziz, Bahagian S&T

Bengkel Teknologi Remote Sensing dan Teknologi-teknologi Lain yang berkaitan bagi Pembangunan Pangkalan Data Spatial Biodiversiti Nasional

Bengkel bertajuk 'Teknologi Remote Sensing dan Teknologi-Teknologi Lain yang Berkaitan bagi Pembangunan Pangkalan Data Spatial Biodiversiti



Nasional' telah diadakan pada 27-28 April 2004 di Pusat Remote Sensing Negara (MACRES) dan dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri MOSTI, Dato' Kong Cho Ha. Bengkel ini adalah anjuran bersama MACRES dan Bahagian Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar (KAS), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (MONRE).

Bengkel ini bertujuan;

- i) Menjalinkan kerjasama antara agensi-agensi yang berkaitan ke arah pemuliharaan dan

pengurusan biodiversiti dengan menggunakan teknologi remote sensing, GIS dan teknologi lain yang berkaitan;

- ii) Membentangkan status pangkalan data spatial biodiversiti yang sedia ada di agensi-agensi kerajaan;
- iii) Membincangkan teknologi bagi penubuhan inventori biodiversiti negara dengan menggunakan teknologi remote sensing, GIS dan teknologi-teknologi lain yang berkaitan.

Seramai 83 orang peserta dari pelbagai agensi dalam dan luar negara telah menghadiri bengkel ini.

Usaha ini akan memberi sumbangan besar kepada Program Biodiversiti Nasional (NBP) yang telah dibangunkan bagi tujuan penekanan yang komprehensif terhadap program pemuliharaan biodiversiti seluruh negara.

Sumber: MACRES

Revolusi & Rumusan Bengkel

Beberapa resolusi dan rumusan telah dibuat dan di antara yang terpenting termasuklah;

- i) *Pangkalan Data Spatial Biodiversiti Nasional adalah sangat penting dan pembangunannya memerlukan kerjasama erat agensi-agensi yang berkaitan di bawah penyelarasan KAS;*
- ii) *Penubuhan kumpulan kerja bagi program biodiversiti nasional untuk membangunkan data biodiversiti yang standard termasuk data tanah bagi digunakan dalam semua agensi;*
- iii) *Remote sensing dan GIS digunakan dalam pengumpulan data-data berkaitan;*
- iv) *Mewujudkan perkongsian data antara agensi-agensi yang berkaitan;*
- v) *Pada peringkat permulaan pengurusan biodiversiti nasional akan memberi tumpuan kepada Biodiversiti Hutan; dan*
- vi) *Memerlukan kaedah persampelan data yang standard.*



Kalendar Aktiviti MOSTI

12 Julai	Majlis Penyampaian Khidmat Cemerlang 2004 - KIMIA	2 Sept	Seminar Sains dan Teknologi Malaysia China di Grand Ballroom, Parkroyal Kuala Lumpur - Bahagian Antarabangsa
17 - 18 Julai	Hari Keluarga JKM 2004 - KIMIA	2 - 3 Sept	International Advisory Panel Meeting di PCC - MDC
22 Julai	Dialog DSM Bersama Penilai-penilai ACB - DSM	2 - 4 Sep	30 Years Malaysia - China Seminar "Space for Sustainable Development" di Hotel Grand Plaza Parkroyal, Kuala Lumpur - ANGKASA
24 - 26 Julai	Pertandingan Akhir Teknologi Pelancaran Raket Di Padang Varsiti, Universiti Malaya, Kuala Lumpur - ANGKASA	9 Sept	Majlis Pelancaran Produk Baru MIMOS Smart Computing di Cyber Lodge Resort, Cyberjaya - MIMOS
29 Julai - 1 Ogos	Wet Expo - Pusat Sains Negara	16 Sept	Pelancaran Bulan Sains, Teknologi dan Inovasi Kebangsaan 2004 di Berjaya Megamall, Kuantan - S&T MOSTI
12 Ogos	Dialog DSM Bersama Badan-badan Pensijilan - DSM	16 Sept	APEC Life Sciences Innovation Forum di E & O Hotel, Pulau Pinang - Bahagian Antarabangsa
16 - 19 Ogos	PSN di Desa - Lokasi : Negeri Sembilan - Pusat Sains Negara	21 Sept	Pertandingan Akhir Kuiz Sains Angkasa 2004 Piala Perdana Menteri di NTV7, Shah Alam, Selangor.- ANGKASA
21 - 29 Ogos	Pesta Sains Semulajadi - Pusat Sains Negara		
24 - 25 Ogos	Malaysian Junior Robotic Competition - Pusat Sains Negara		
1 Sept	Hari Terbuka SIRIM Berhad di SIRIM Berhad - SIRIM		



Pergerakan STAF MOSTI

NAMA	JAWATAN	TEMPAT & TARIKH TUKAR
En. Tan Swee Yong	PTD, M48	S&T, 16 Februari 2004
En. Kamaluddin b. Hj. Ismail	PTD, M41	PSM, 9 Februari 2004
En. Mohamad Azalizam b. Alias	PTD, M41	PSM, 1 Mac 2004
En. Raden Zulhazmi b. Raden Abdul Halim	PTD, M41	S&T, 1 Mac 2004
En. Ahmad Wafi b. Harussani	PTD, M41	Antarabangsa, 1 Mac 2004
Cik Tantie Shawamazura bt. Johari	PTD, M41	S&T, 1 Mac 2004
En. Ismail b. Mohamed Yusof	PTD, M41	S&T, 1 Mac 2004
En. Mohamad Mansor Adhar b. Sabaruddin	Pen. Peg. Sistem Maklumat, F29	MASTIC, 16 Februari 2004
Cik Siti Maizurah bt. Mohd Noor	PT (Perkeranian/Operasi), N17	PSM, 13 Januari 2004
Pn. Norjam bt. Mahmood	PT (Perkeranian/Operasi), N17	S&T, 2 Februari 2004
Cik Norbaizurah bt. Md. Damanhuri	PT (Perkeranian/Operasi), N17	PSM, 5 Februari 2004
Pn. Noor Zela bt. Mohamed	PT (Perkeranian/Operasi), N17	UPP, 17 Februari 2004
Pn. Hafizah bt. Ahmad	PT (Perkeranian/Operasi), N17	Pembangunan, 16 Mac 2004
En. Fazrul b. Ramlan	Pemanduan Kenderaan Bermotor, R3	Pentadbiran, 4 Februari 2004
En. Mohd Azman b. Hassan	Pemanduan Kenderaan Bermotor, R3	Pejabat Menteri, 27 Mac 2004

NAMA	JAWATAN	TEMPAT & TARIKH TUKAR
Pn. Goh Siok Eng	PTD, M54	Ke Bhg. Kewangan, Institut Hal Ehwal Maritim(MIMA), 16 Mac 2004
En. Mat Diah b. Wahari	PTD, M48	Ke Jawatan Kumpulan, JPA, 1 Februari 2004
En. Sallehuddin b. Hassan	PTD, M41	Ke Jawatan Kumpulan, JPA, 30 Mac 2004
En. Jini anak Wat	SUSK Menteri	Ke Perkhidmatan Kaji cuaca, 29 Mac 2004
Tn. Haji Zafri b Harun	SUS Timb Menteri	Berhenti berikutan pembubaran Jemaah Menteri, 29 Mac 2004
En. Frederick Wong Kung	Setiausaha Politik	Berhenti berikutan pembubaran Jemaah Menteri, 29 Mac 2004
Pn. Zainon bt. Mohd Noor	PT (Perkeranian/Operasi), N17	Ke Jabatan Penjara Kajang, Selangor, 2 Februari 2004
En. Lo Teck Seng	Jururing Menteri	Ke Pejabat Timbalan Menteri Luar Negeri Malaysia, 30 Mac 2004
En. Suhaimi b. Yusuf	Jururing Timb. Menteri	Ke Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman, 30 Mac 2004
En. Ayob b. Husin	Pemanduan Kenderaan Bermotor, R3	Berhenti berikutan pembubaran Jemaah Menteri, 29 Mac 2004
En. Abd Latiff b. Ibrahim	Pemanduan Kenderaan Bermotor, R3	Berhenti berikutan pembubaran Jemaah Menteri, 29 Mac 2004



MAJLIS SEKALUNG BUDI SERANGKAI HATI

Majlis Sekalung Budi, Serangkai Hati telah diadakan di Restoran Saloma bagi meraikan perpisahan YBhg Datin Sri Ngui Soon Leng, YBhg Datin Gloria Leong, Pengerusi PUSPANITA MOSTI, YBhg Datin Hajah Kasmah Aini Ali, Penaung PUSPANITA MOSTI YBhg Datin Che Rahmah bt Ismail (Pengerusi PUSPANITA PERHILITAN), YBhg Datin Titin Suryaningsih (Pengerusi PUSPANITA MINT) dan Puan Khatijah bt Muda yang akan meninggalkan PUSPANITA MOSTI. Isteri YB Menteri, YBhg Datin Dr. Kalsom Ismail turut hadir dalam majlis tersebut pada 29 April 2004. Hampir 110 orang ahli turut memeriahkan majlis ini.



Pelbagai acara telah dipersembahkan iaitu daripada PUSPANITA Kimia, MACRES dan Jabatan Standard. Majlis turut dimeriahkan dengan tarian poco-poco oleh tetamu-tetamu kehormat yang diketuai oleh YBhg Datin Khuzaimah, Pengarah KAS.



Di majlis tersebut juga Biro Kebajikan PUSPANITA MOSTI telah memberi sumbangan sebanyak RM1,000 kepada Pusat Pemulihan Wanita, Cheras yang telah disampaikan oleh YBhg Datin Dr. Kalsom bt Ismail.

Sumber: PUSPANITA Ibupejabat MOSTI

Nilai-nilai Murni Kejujuran Intelektual

Pegawai-pegawai yang diberi tanggungjawab hendaklah senantiasa berpegang teguh kepada prinsip kejujuran intelek atau **intellectual honesty** apabila melaksanakan tanggungjawab tersebut. Ini juga bermakna mereka perlu jujur dalam mentadbir dasar-dasar, program-program serta projek-projek kerajaan di samping ikhlas semasa memberi pendapat dan nasihat tanpa menyembunyikan maklumat penting.

Citra Karya, m/s 116 (koleksi ucapan KSN 1992:121)

Quotable Quote
Quotable Quote

"Teori bahawa sejarah manusia adalah sejarah tentang pertentangan antara miskin dan kaya semata-mata adalah cetek dan tidak benar. Manusia tidak hidup semata-mata untuk merebut kekayaan sebagai cara mencapai kebahagiaan dan keseronokan di dunia. Ada nilai-nilai yang lebih tinggi, nilai rohaniah umpamanya, yang boleh memberi kebahagiaan dan ketenangan jiwa walaupun kekayaan material tidak begitu"

- Tun Dr. Mahathir b. Mohamad di Konvensyen
Ekonomi Bumiputera
Bangi, 19 Mac 1978



Perkahwinan Staf MOSTI

Selamat Pengantin Baru & Semoga Berbahagia

Perkahwinan antara Hasrul Rizal b. Hassim, MASTIC dengan Rohaya bt. Mohd Nor, Unit IT selamat diijabkabulkan pada 4 April 2004

Perkahwinan antara Masni Afiza bt Mohamed, Bahagian Antarabangsa dengan Khalid b. Ibrahim selamat diijabkabulkan pada 6 Jun 2004



Sidang Pengarang

Penasihat
Dr. Zulkifli Idris

Ketua Editor
Pn. Fadzilah Ahmad Din

Editor
Cik Normah Mustaffa
Pn. Puziah Sulaiman
Cik Nor Rokiah Alias

En. Mohd Azreey Shah Abd Aziz
En. Ahmad Wafi b. Haji Harrusani

Penyumbang
En. Zakaria Abdullah, Pejabat KSU
Tn. Hj. Mohd Shahrudin Hj. Abd. Aziz ,
Bahagian S&T
En. Mohd Fairoz Asillam, ANGKASA
Dr. Hii Hnn Hui, UPP MOSTI

Pn. Amirthavalli A.V. Muthiah,
Bahagian S&T
PUSPANITA Ibu Pejabat MOSTI
MACRES

Urusetia
En. Mohamad Mokhaizal b. Mohd Mokhtar

Rekabentuk & Cetakan
Shout ACS (M) Sdn. Bhd